

Model Khatam al-Quran j-QAF: Pengaruh terhadap Impak Pembelajaran Murid.

Mohd Hanafi bin Mamat¹ & Hamdi bin Ishak²

Email: ¹mohdhanafimhm@gmail.com & ²hamdi@ukm.edu.my

¹Calon sarjana di Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

²Pensyarah Kanan di Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, FPI, UKM

Abstrak

Isu pembelajaran dan pencapaian al-Quran sentiasa diberi perhatian dalam sistem pendidikan kebangsaan negara. Pada tahun 2005 program j-QAF telah dilaksanakan untuk memperkasa sistem pendidikan Islam termasuklah dalam kaedah pembelajaran al-Quran. Kandungan kurikulum j-QAF mampu melahirkan murid yang dapat menguasai bacaan al-Quran dengan cemerlang. Walaupun pencapaian murid dalam pembelajaran al-Quran telah menyaksikan perubahan yang amat positif namun masih lagi belum memuaskan sedangkan kesediaan guru dalam melaksanakan aktiviti pengajaran berada di tahap yang tinggi. Kajian literatur ini bertujuan meninjau faktor-faktor pembelajaran lain yang mampu merangsang pencapaian murid. Hasil kajian mendapat, selain daripada faktor pengajaran guru, faktor-faktor pembelajaran lain turut berperanan memberi impak terhadap pencapaian murid dalam pembelajaran seperti peranan keluarga, pengaruh persekitaran dan pengaruh sikap kendiri. Unsur-unsur tersebut berupaya memberi sumbangan terhadap penguasaan murid dalam pembelajaran al-Quran.

Kata Kunci: *Pengaruh, Impak, Pembelajaran al-Quran j-QAF*

Abstract

Issues on the learning and achievement of al-Quran have always been given an attention in the national education systems. In 2005 j-QAF program has been implemented to strengthen Islamic education system, including the method of learning al-Quran. The curriculum content is capable of producing students who can recite al-Quran with fluency. Even though the willingness of teachers to implement teaching activities are at a high level, the positive changes on the achievements of the students in learning al-Quran are still at an unsatisfactory level. This literature review aims to explore other learning factors that can stimulate student achievements. The results obtained from the study reveals that despite the learning factors, other factors such as the role of family, the environment and the effect of self-attitude give an impacts on the student's achievement in learning al-Quran. These factors also contributed on the student proficiency in learning al-Quran.

Keywords: *effect, impact, learning al-Quran j-QAF*

1. Pengenalan

Aktiviti pengajaran dan pembelajaran al-Quran yang paling awal adalah di antara Rasulullah SAW dan malaikat Jibril yang berlaku secara langsung ketika Rasulullah SAW beribadat di Gua Hira'. Kedatangan Jibril kepada Rasulullah SAW membawa wahyu daripada Allah dan kemudiannya membacakan kepada baginda surah al-'Alaq (al-Buti 1999; Ibn Hisyam 1992). Peristiwa penurunan al-Quran menjadi titik tolak bermulanya tugas kerasulan kepada nabi Muhammad SAW untuk menyampaikan risalah tauhid dan seiring dengan itu pembelajaran al-Quran mula dititikberatkan. Proses ini dianggap sebagai proses pendidikan Islam yang terulung kerana al-Quran merupakan asas perlembagaan yang merangka peraturan kepercayaan kepada Allah serta asas kepada aturan nilai-nilai kehidupan yang merangkumi ibadah dan muamalah.

Al-Quran kemudiannya diajar kepada para sahabat bermula di rumah baginda sendiri dan di rumah al-Arqām bin Abi al-Arqam. Aktiviti pembelajaran ini terus berkembang semasa Islam bertapak di bumi Madinah. Para sahabat mempelajari al-Quran daripada baginda mengikut kaedah sebagaimana yang digunakan oleh Jibril secara hafalan sehingga melahirkan ramai penghafaz al-Quran. Aktiviti pembelajaran ini bukan terhad mempelajari lafaz al-Quran semata-mata sebaliknya diikuti dengan penerangan maksud-maksud al-Quran oleh Rasulullah kepada para sahabat (Ibn Taimiyah 1972). Selepas kewafatan baginda, aktiviti pembelajaran al-Quran ini terus diberi perhatian sehingga ke era pemerintahan khalifah, pemerintah-pemerintah Islam zaman berikutnya sehinggalah ke hari ini. Pendidikan al-Quran dijadikan agenda utama di seluruh pelusuk negara-negara umat Islam termasuklah negara kita Malaysia.

Aktiviti pembelajaran al-Quran di Malaysia bermula sejak awal kedatangan Islam ke tanah Melayu. Menurut Subri dan Haron (1988) aktiviti pengajian al-Quran pada peringkat permulaan berlangsung di rumah-rumah guru atau istana. Setelah itu, aktiviti tersebut mula berkembang melalui institusi pengajian pondok dan melata pada abad ke-19 Masihi dengan kemunculan pusat-pusat pengajian pondok di tanah Melayu. Aktiviti pengajian ini berterusan sehinggalah pada sekitar awal abad 20 apabila munculnya sekolah agama rakyat atau dikenali juga dengan panggilan madrasah yang berperanan menjadi pusat pengajian Islam termasuklah pembelajaran al-Quran.

2. Pembelajaran Al-Quran Dalam Kurikulum Pendidikan Malaysia

Menurut Mohd. Yusuf (2005) berdasarkan falsafah pendidikan Islam, anak-anak yang diberi pendedahan tentang pembelajaran al-Quran sejak kecil lagi berupaya memberi kesan yang sangat positif terhadap akidah dan pembentukan akhlak mereka. Oleh itu, pembelajaran al-Quran amat dititik beratkan dalam sistem pendidikan negara kita. Berpandukan Ordinan Pelajaran 1952, mata pelajaran Agama Islam telah di ajar bersama dengan subjek pendidikan lain namun ia dilaksanakan pada sebelah petang di bawah seliaan Jabatan Agama Islam Negeri dan situasi ini berterusan sehinggalah negara mencapai kemerdekaan. Pada tahun 1960, terbentuk satu jawatankuasa yang berperanan mengkaji kesulitan dan kekangan dalam aspek pelaksanaan serta menyelesaikan masalah yang kurang jelas dalam Penyata Razak. Laporan Penyata tersebut telah menghasilkan sedikit anjakan yang membawa kepada perubahan baru terhadap pelajaran Agama Islam dan terbentuknya Akta Pendidikan 1961. Menerusi akta tersebut, pelajaran Agama Islam telah dimasukkan sepenuhnya ke dalam sistem persekolahan (Abdullah 1995)

Bidang pendidikan Islam terus mengalami perubahan selepas negara mencapai kemerdekaan. Di atas dasar keprihatinan kerajaan terutamanya selepas era 70-an munculnya Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Perkembangan ini memperlihatkan mata pelajaran aliran kebangsaan di ajar di sekolah aliran agama manakala pendidikan al-Quran dimasukkan dalam kurikulum pendidikan perdana negara sama ada di peringkat rendah mahupun menengah. (Mohd Hairudin & Kamarul Azmi 2012) Pada tahun 1983, pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) yang telah memperlihatkan pelajaran pendidikan Islam khususnya pembelajaran al-Quran semakin dititik beratkan. Selepas itu usaha-usaha penambahbaikan terus dikaji agar kurikulum pendidikan Islam sentiasa relevan dengan perkembangan suasana termasuk penggunaan kaedah-kaedah tertentu dalam pembelajaran al-Quran. Pada tahun 2005, Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan suatu program untuk memperkasakan sistem pendidikan Islam yang dikenali sebagai program j-QAF. Program tersebut merupakan singkatan daripada jawi, al-Quran, Fardu Ain dan Bahasa Arab. Salah satu daripada komponen yang terdapat di program j-QAF ialah model Khatam al-Quran. Matlamat daripada pengenalan model tersebut menerusi program j-QAF adalah untuk memastikan murid-murid di sekolah rendah mampu menguasai bacaan al-Quran dengan baik dan berjaya mengkhatamkan al-Quran selewat-lewatnya semasa mereka berada di tahun enam. (Kementerian Pendidikan Malaysia 2005) Pada tahun 2011

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah dilaksanakan menggantikan KBSR. Bidang pembelajaran al-Quran dalam kurikulum baru ini terus diberi perhatian serta menjadi kesinambungan terhadap usaha-usaha pemerkasaan pendidikan Islam khasnya di dalam bidang pembelajaran al-Quran.

3. Prestasi Murid Dalam Model Khatam Al-Quran

Sejak program j-QAF diperkenalkan sebelas tahun dahulu, pelbagai kajian dilaksanakan bagi mengenalpasti permasalahan dan kekangan dari aspek pelaksanaan program tersebut. Sejajar dengan itu juga, pencapaian murid dalam model khatam al-Quran j-QAF juga menjadi tarikan kepada para pengkaji untuk meninjau tahap penguasaan murid dalam model tersebut. Menurut Haziyah, Ridwazana dan Fadhlhan (2012) yang membuat kajian terhadap aspek kandungan kurikulum program j-QAF mendapati ia mampu meningkatkan tahap literasi al-Quran di kalangan murid. Walaubagaimana pun, kajian-kajian terhadap penguasaan murid mendapati bahawa tahap pencapaian mereka masih lagi belum mencapai matlamat biarpun prestasi murid di dapati berada di tahap yang semakin baik.

Mengikut kajian Misnan Jemali et al. (2013) pada tahun 2009 di seluruh Malaysia mendapati bahawa sejumlah 75% responden menguasai ujian tilawah a-Quran dengan baik. Hasil kajian Nurfadilah dan Muhammad Mustaqim (2013) di Melaka pada tahun 2010 mendapati 57.4% menguasai al-Quran dengan baik manakala 13.2% berada pada tahap yang sederhana selebihnya 29.4% masih lagi lemah dalam bacaan. Kajian yang dilakukan oleh Fairuz Samsudin (2011) di Kedah mendapati sebanyak 81% telah menguasai al-Quran. Walaubagaimanapun perincian dari aspek kemampuan membaca al-Quran responden berada di tahap memuaskan dan sejumlah 0.78% tidak berjaya khatam al-Quran mengikut bacaan guru. Manakala Paharudin & Misnan (2013) membuat kajian pada tahun 2010 di Perak pula mendapati penguasaan murid berada di tahap baik iaitu sebanyak 75.77% daripada responden berjaya menguasai bacaan al-Quran. Kajian Suryati Basra (2013) di Selangor mendapati penguasaan responden kajian dalam modul enam bulan khatam al-Quran program j-QAF berada pada tahap yang sederhana.

Pencapaian murid dalam model khatam al-Quran ini mencetuskan persoalan terhadap faktor yang menyumbang kepada penguasaan mereka. Hasil kajian bagi melihat situasi dan tahap pelaksanaan pengajaran menunjukkan bahawa kesediaan guru amat positif dalam menjalankan aktiviti tersebut. Dapatan kajian yang di buat oleh Norlela (2007), Sabariah (2009), Amal Hayati (2012), (Nasithah Abd Hamid et al. 2013) dan Rizuan Mohd (2016) dapat dirumuskan bahawa tahap kesediaan guru dalam melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran program j-QAF khususnya model khatam al-Quran berada di tahap yang tinggi dan amat bersedia. Justeru, selain pengaruh pengajaran guru terdapat unsur-unsur lain yang mempengaruhi pencapaian murid perlu diberi perhatian sewajarnya khasnya dalam pembelajaran al-Quran agar matlamat program j-QAF ini tercapai.

Sememangnya sedia maklum bahawa, pengetahuan dan kebijaksanaan guru dalam mengaplikasikan pendekatan pengajaran merupakan elemen penting yang memberi kesan mendalam terhadap prestasi pembelajaran murid. Kemahiran yang ada pada guru dari segi psikologi dan pedagogi pendidikan merupakan suatu kriteria khusus yang menjadi pakej kepada mereka dalam menyampaikan ilmu dengan cara yang berkesan. Namun begitu, dalam merencanakan kejayaan murid, guru tidak sewajarnya dibiarkan berperanan sendirian malah perlu diberi sokongan daripada pelbagai faktor. Faktor-faktor tersebut seharusnya dibentuk dan digerakkan agar ia berjalan seiring dengan usaha yang dilaksanakan oleh guru.

Kajian yang dibuat oleh Mohd Aderi (2008) membuktikan wujudnya hubungan antara amalan pengajaran guru dan pencapaian tilawah al-Quran pelajar. Hasil kajian tersebut mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara sikap murid, persekitaran pembelajaran, amalan

pembelajaran dan amalan pengajaran guru dengan pencapaian tilawah al-Quran. Analisis serentak regresi terhadap ke empat-empat faktor tersebut mendapatkan ia memberi sumbangan yang positif kepada pencapaian Tilawah al-Quran. Manakala kajian yang di buat oleh Sakri Yusoff (2012) berkaitan dengan sikap dan minat pelajar kelas kemahiran membaca dan menghafaz al-Quran mendapatkan bahawa sikap pelajar terhadap pembelajaran al-Quran adalah tinggi kerana berkait dengan amalan pengajaran guru yang menimbulkan minat serta memberi kesan langsung kepada suasana pembelajaran dan sikap pelajar untuk mempelajari al-Quran.

4. Unsur Yang Mempengaruhi Pencapaian Murid

Menurut M. Ngahim (1984) impak hasil pembelajaran murid dipengaruhi oleh dua unsur utama iaitu unsur dalaman dan unsur luaran. Elemen-elemen yang terdapat di dalam dalaman diri yang disebut sebagai unsur individual seperti kematangan, kecerdasan, sikap, minat dan motivasi. Manakala elemen luaran pula unsur sosial yang menjadi agen-agen perangsang yang terdapat di luar diri individu membantu seseorang untuk menguasai sesuatu dalam proses pembelajaran mereka seperti pengaruh keluarga, pengaruh guru dan pendekatan teknik serta kaedah pengajarannya, instrumen pembelajaran, persekitaran dan peluang. Kombinasi kedua-dua unsur tersebut berupaya merangsang pencapaian murid dalam pembelajaran.

i. Pengaruh Ibu bapa.

Peranan ibu bapa amat penting dalam membentuk institusi keluarga yang bahagia dan harmoni. Kebahagiaan dalam keluarga wujud apabila ia dibentuk atas landasan syariat Islam yang berteraskan ilmu. Anak-anak perlu diberi pendidikan yang sewajarnya agar mereka dapat memahami peranan masing-masing dalam kehidupan dan membentuk jati diri yang luhur. Asas penanaman ilmu kepada anak-anak ialah dengan cara terlebih dahulu menyemai benih-benih al-Quran di dalam diri mereka. Sebagai langkah permulaan, mereka perlu didekatkan dengan al-Quran dengan cara mendampinginya melalui bacaan sebagai wahana untuk menjelaskan kepada mereka asas-asas utama syariat Islam memahami dan mempraktikkan ajarannya di dalam kehidupan (Indriaty 1995). Melalui pembelajaran dan pembacaan al-Quran, daya berfikir anak-anak tentang kehidupan dapat ditingkatkan. Di samping mendedahkan mereka kepada keindahan laras bahasa al-Quran, mereka juga dapat memahami mesej yang terkandung di dalamnya serta membentuk akhlak mereka berlandaskan al-Quran sejajar dengan hasrat melahirkan modal insan yang berupa generasi al-Quran.

Ibn Khaldun (2013) berpendapat bahawa memberikan pengajaran al-Quran kepada anak-anak merupakan suatu usaha untuk meninggikan syiar agama dan ia merupakan satu kriteria khusus yang dimiliki oleh umat Islam di seantero pelusuk. Usaha ini merupakan satu langkah untuk memperkasakan akidah serta menjadi tunjang kepada penguasaan multi disiplin ilmu yang lain (al-Na'miy 1994; Gamal 2003).

Menurut al-Qabisi (1986) keluarga berperanan menjadi institusi pertama yang bertanggungjawab untuk memberi pendidikan kepada anak-anak sejak awal lagi iaitu ketika anak mula membesar dan keperibadian mereka mula terbentuk. Pada peringkat urusan keluarga berada di tahap asas dan ringkas serta anak-anak berada di tahap awal kehidupan, ibu bapa yang bertanggungjawab mencorakkan agama dan keperibadian mereka. Peranan tersebut harus dipikul oleh ibu bapa dan tidak wajar ia diserahkan oleh pihak lain.

Namun begitu, setelah kehidupan mula berkembang, keluarga makin besar dan tanggungjawab keluarga semakin kompleks serta terdapat kekangan dari segi masa dan kemampuan, urusan pendidikan tersebut boleh di ambil alih oleh pihak lain seperti guru. Namun demikian, ibu bapa tidak seharusnya meletakkan sepenuhnya tanggungjawab hakiki mereka tersebut kepada guru. Mereka seharusnya terlebih dahulu menyemai asas-asas kandungan

pembelajaran al-Quran semasa anak-anak mereka belum memasuki alam persekolahan. Di samping itu, mereka juga sepatutnya menyokong pembelajaran anak dengan cara memprogramkan pembelajaran al-Quran di rumah menerusi dorongan, motivasi serta menghidupkan pembudayaan amalan membaca al-Quran. Usaha ini juga sebagai kesinambungan momentum pembelajaran anak-anak mereka semasa di sekolah. al-Qābisī sangat prihatin terhadap soal pendidikan anak-anak dan beliau mengkritik orang yang mengabaikannya kerana mengelak daripada mengeluarkan perbelanjaan yang banyak bagi tujuan tersebut.

Kesan pengaruh penglibatan ibu bapa terhadap pembelajaran murid dibuktikan melalui hasil kajian oleh Sabrina Yusoff (2015) berkaitan dengan hubungan gaya dan didikan beragama ibu bapa terhadap amalan beragama dalam kalangan pelajar. Dapatkan kajian tersebut menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara didikan agama ibu bapa dengan gaya pengamalan ajaran agama murid. Kajian yang dilakukan oleh Flouri dan Buchanan (2004) juga menunjukkan keterlibatan ibu bapa melalui pembentukan persekitaran pembelajaran di rumah dalam proses pendidikan anak-anak memberi sumbangan yang positif terhadap pencapaian mereka.

ii. Pengaruh Sikap

Manusia sentiasa mengalami proses pembelajaran yang berterusan berlaku sama ada secara langsung ataupun tidak menerusi aktiviti kehidupan sehari-hari. Semasa proses belajar, akal berperanan sebagai satu sarana untuk memperoleh ilmu dan berfungsi sebagai daya untuk manusia memahami sesuatu di luar dirinya. Ibn Khaldun berpendapat bahawa epistemologi Islam mempunyai kaitan yang rapat dengan potensi kognitif yang terdapat dalam prinsip-prinsip psikologi. Menurut Robiah Sidin (1998) penekanan disiplin dan pembentukan sikap seperti rajin, bersungguh-sungguh, sikap ingin mencuba dan tidak putus asa harus disemaikan kepada sanubari pelajar sebagai langkah untuk meningkatkan pencapaian mereka dalam pelajaran.

Ibn Khaldun (2000) menyentuh tentang peranan *malakah* dalam aktiviti pembelajaran. Perkataan *malakah* ini disebut berulang kali di beberapa tempat yang membawa kepada pelbagai konotasi mengikut kesesuaian maksud di mana ia dinyatakan. Salah satu daripada maksud *malakah* seperti mana yang di fahami oleh sarjana ialah satu sifat yang sejati dalam badan manusia. Pengertian ini boleh dimaksudkan sebagai satu sifat yang kekal terpahat dalam diri seseorang melalui pelaziman kelakuan yang sama di buat berulang kali sehingga ia membentuk sikap yang sebatи di dalam diri.

Menurut Syahrul Riza (2010) Konsep *malakah* bukan hanya bermaksud pencerahan semata-mata (*insight*), malah ia mempunyai kecenderungan kognitif serta merangkumi unsur afektif dan psikomotor. Kecenderungan ini merupakan satu bentuk tindak balas terhadap sesuatu rangsangan apabila seseorang berhadapan dengan sesuatu situasi. Ketiga-tiga komponen ini merupakan unsur utama dalam membentuk sikap. Aspek kognitif ialah merujuk suatu bentuk kefahaman atau kepercayaan seseorang terhadap sesuatu fakta yang mana maklumat tersebut di nilai dan membawa kepada suatu bentuk tindakan. Unsur afektif pula melibatkan aspek-aspek perasaan dan emosi yang sukar dieksplorasi dan membentuk suatu sikap sama ada positif maupun negatif. Manakala unsur psikomotor pula ialah kecenderungan untuk memberi tindak balas terhadap rangsangan membentuk suatu perlakuan yang diingini atau sebaliknya.

Kecenderungan untuk berfikir atau merasa mengikut cara yang tertentu dan saluran-saluran tertentu adalah dianggap sebagai sikap (Witherington 1978). Ia merupakan suatu unsur berbentuk dalaman yang amat sukar untuk difahami kerana bukan semua dapat diterjemahkan dengan tingkah laku. Dari perspektif Islam, sikap lebih ditumpukan kepada akhlak oleh sebab itu seseorang yang mempunyai sikap yang baik akan dianggap mempunyai akhlak yang baik.

Sikap bukanlah sesuatu yang boleh dianggap milik mutlak seseorang secara semula jadi, sebaliknya ia mempunyai potensi untuk berubah dan berkembang bergantung pada pengalaman dan

pembelajaran individu. Melalui sikap seseorang individu dapat mempelajari pelbagai ilmu untuk meningkatkan potensi diri. Sikap individu dibantu pula dengan faktor-faktor luaran akan mempengaruhi bentuk pencapaian seseorang.

Kajian yang Abdul Hakim (2004) bagi meninjau sikap pelajar yang telah menduduki Penilaian Menengah Rendah terhadap mata pelajaran Sejarah di Selangor mendapati bahawa terdapat kolerasi positif yang menunjukkan bahawa jika pelajar mempunyai sikap yang positif terhadap mata pelajaran Sejarah, pencapaian mereka dalam mata pelajaran tersebut semakin baik. Arsaythamby & Shamsuddin (2011) mendapati dalam kajian mereka bahawa terdapat hubungan yang signifikan di antara sikap dan tabiat pembelajaran matematik murid dengan pencapaian matematik tambahan. Ini menunjukkan bahawa sikap memainkan peranan dalam mempengaruhi motivasi belajar yang membawa kepada peningkatan dalam tahap pencapaian.

iii. Pengaruh Persekutaran

Pengaruh persekitaran sosial yang melingkungi kehidupan seseorang berupaya memberi kesan kepada proses pembelajaran individu. Fenomena persekitaran seperti pengaruh persekitaran sekolah, pengaruh tabiat rakan-rakan serta pengaruh budaya komuniti boleh menjadi sumber kepada pembelajaran murid serta corak pencapaian mereka. Proses pembentukan peribadi juga boleh berlaku melalui pelbagai corak pembelajaran seperti permodelan, tindak balas, dorongan dan halangan.

Menurut Ibn Khaldun (2013) pembentukan tingkah laku amat terkesan dengan persekitaran sosial. Pengaruh persekitaran ini boleh menjadi sumber pembelajaran kepada individu melalui pengamatan mereka terhadap situasi persekitaran. Persekutaran yang harmoni akan menghasilkan tingkah laku yang baik kepada individu yang berada di dalam lingkungan tersebut. Persekutaran sosial dengan pelbagai faktor dan sumber akan membentuk perilaku manusia mengikut keyakinannya terhadap amalan kebiasaan dan adat tradisi serta nilai-nilai akhlak dan agama.

Dalam konteks pembelajaran al-Quran pengaruh persekitaran boleh diukur melalui pelbagai aspek persekitaran sosial merangkumi persekitaran kelas dan sekolah, pergaulan dengan kawan-kawan, persekitaran rumah dan budaya sosial masyarakat. Pengaruh persekitaran sekolah dan kelas adalah merujuk kepada usaha dan inisiatif yang dilaksanakan oleh institusi pendidikan bagi membantu pembelajaran murid. Contohnya, penyediaan kitab-kitab al-Quran, bahan bantu mengajar berbentuk carta ayat, tulisan khat ayat al-Quran, kemudahan dan kelengkapan surau serta penganjuran aktiviti yang boleh mendekatkan murid dengan pembelajaran al-Quran seperti majlis bacaan al-Quran secara mingguan, majlis tadarrus dan majlis khatam al-Quran (Muhammad Şalih 1998). Langkah sebegini boleh menjadi suatu budaya dan tarikan yang mencetuskan minat dan keinginan murid terhadap al-Quran.

Selain aspek infrastruktur, pengaruh persekitaran daripada kawan-kawan juga memberi kesan terhadap gaya pembelajaran. Kawan-kawan mampu mempengaruhi pencapaian seseorang hasil daripada pergaulan mereka sehari-hari. Oleh sebab itu, al-Zarnūjī (1996) menyarankan agar memilih kawan yang proaktif dan warak serta jauhkan daripada mendampingi kawan-kawan yang bermotivasi rendah, bersikap negatif seperti malas, suka bertangguh dan gemar menimbulkan permusuhan.

Nofrizal (2006) dalam kajiannya mendapati bahawa suasana persekitaran pembelajaran mempunyai hubungan yang kuat dengan minat murid. Manakala minat pula mempunyai kaitan yang positif dengan kesediaan untuk belajar. Sehubungan dengan itu jelaslah bahawa persekitaran memberi pengaruh yang kuat terhadap proses pembelajaran yang berkesan kepada murid. Persekutaran yang kondusif akan membantu murid dalam aktiviti pembelajaran yang akan membentuk pencapaian mereka dalam pelajar.

Perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa, pencapaian murid dalam pembelajaran

bukan bergantung sepenuhnya kepada faktor guru dengan tidak menafikan faktor tersebut dalam memberi impak yang besar terhadap penguasaan murid dalam sesuatu bidang. Faktor-faktor pembelajaran lain seperti yang dijelaskan di atas turut berperanan dan seharusnya diberi perhatian. Ini kerana, anak-anak membesar dalam suasana yang serba mencabar dengan kecanggihan teknologi terkini serta mempunyai akses yang luas kepada instrumen-instrumen pembelajaran. Kesempatan tersebut seharusnya dimanfaatkan oleh semua pihak agar masing-masing memainkan peranan demi kebaikan generasi akan datang.

5. Kesimpulan

Usaha untuk melahirkan modal insan yang berteraskan al-Quran bukan sesuatu yang boleh dipandang remeh. Ia tidak semudah teori yang tertulis di atas kertas. Usaha ini perlu kepada penglibatan pelbagai pihak bukan sahaja institusi pendidikan semata-mata, malah yang penting ialah gembelingan tenaga dan gabungan usaha secara kolektif khususnya daripada ibu bapa kepada murid itu sendiri. Dewasa ini telah memperlihatkan suatu fenomena yang positif ke arah pembudayaan al-Quran dalam masyarakat dengan pengisian program-program yang berjiwa al-Quran di kaca televisyen seperti Qari Junior, rancangan Mari Belajar al-Quran, kisah di sebalik al-Quran dan kedengaran juga corong-corong radio slot interaktif al-Quran dan sebagainya. Masjid dan surau juga sering menganjurkan program seperti program tadabbur al-Quran, Tahsin al-Qirā'ah serta program-program yang berkaitan untuk mendekatkan masyarakat dengan al-Quran.

Dalam pada itu, pendekatan yang holistik perlu digerakkan melibatkan badan-badan sukarela dalam mewujudkan persekitaran yang kondusif ke arah pembelajaran al-Quran dalam masyarakat bagi memberi kesedaran terhadap peri pentingnya menguasai bacaan al-Quran. Tanpa kesedaran yang tinggi, pelbagai usaha yang dilakukan akan menemui jalan buntu. Langkah-langkah sebegini mampu mewujudkan pengaruh-pengaruh pembelajaran al-Quran secara bersepodu yang boleh menimbulkan minat serta meningkatkan tahap literasi al-Quran dikalangan masyarakat khasnya dikalangan generasi yang menjadi modal insan pada masa hadapan.

Rujukan

- Al-Quran al-Karim.
- Abdul Hakim@Abdul Khakin bin Samuri. 2004. *Sikap pelajar terhadap mata pelajaran sejarah di sekolah menengah kebangsaan*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Ishak. 1995. *Pendidikan Islam Dan Pengaruhnya Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Na'miy, Abdullah Al-Amin. 1994. *Kaedah Dan Teknik Pengajaran Menurut Ibn Khaldun Dan Al-Qabisi*. Mohd. Ramzi Omar (pnyt.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Qabisi, Abu Hasan 'Ali. 1986. *Al Risalah Al-Mufassilah Li Ahwal Al-Muta'allimin Wa al-Ahkam al-Mua'allimin Wa Al-Muta'allimin*. Ahmad Khalid (pnyt.). Tunis: al-Syarikah al-Tunisiyyah.
- Ibn Khaldun, 'Abd. Rahman bin Muhammad. 2000. *Mukaddimah Ibn Khaldun*. Ter. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Khaldun, 'Abd. Rahmān bin Muhammad. 2013. *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Lubnan: Dar Maktabah al-Ma'arif.
- Amal Hayati Mohd Nor. 2012. *Penilaian pelaksanaan tilawah al-Quran program j-Qaf dalam sistem pendidikan kebangsaan*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Arsaythamby, V., & Shamsuddin Muhammad. 2011. *Hubungan sikap, keimbangan dan tabiat pembelajaran dengan pencapaian matematik tambahan (the relationship between attitude, perception and behaviour towards learning and mathematics achievement)*.

- anxiety and habit of learning with additional mathematics achievement).* Asia Pacific Journal of Educators and Education 26(1):15–32.
- al-Zarnuji, Burhan al-Islam. 1996. *Ta'lim Al-Muta'allim Tariq Al-Ta'allum*. Marwan Fabani (pnyt.). Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Fairuz bin Samsudin. 2011. *Tahap pencapaian murid-murid tahun enam dalam modul khatam al-Quran j-Qaf, satu kajian di sekolah kebangsaan daerah Kuala Muda Yan*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pendidikan dan Bahasa, Universiti Terbuka Malaysia.
- Flouri, Eirini, & Buchanan, Ann. 2004. *Early father's and mother's involvement and child's later educational outcomes*. The British journal of educational psychology 74(Pt 2):141–153.
- Gamal Abdul Nasir. 2003. *Prinsip-Prinsip Pendidikan Islam*. Bentong: PTS Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Haziyah Hussin, Ridzawana Sirajuddin, & Fadlan Mohd Othman. 2012. *Sumbangan Program Jawi, Quran, Arab dan Fardu ain (j-Qaf) terhadap pendidikan literasi al-Quran di Malaysia*. Dlm. Prosiding Seminar Serantau Maqasid al-Quran 2012. Dinamika Ilmu Qiraat Sebagai Sumber Turath (Warisan Ilmu) Islam, hlm. 113–125.
- Ibn Hisyam, Abu Muhammad 'Abd Malik bin Hisyam. 1992. *Al-Sirah al-Nabawiyyah Li Ibn Hisyam*. Mustafa al-Saqqa, Ibrahim al-Abyari & 'Abd al-Hafiz Thalbi (pnyt.). Jilid 1. Lubnan: Dar al-Khair.
- Indriaty Ismail. 1995. "Antara media dan al-Quran: pengaruh dan kesan dalam pembentukan peribadi masyarakat Islam Malaysia masa kini". Dlm. Prosiding Seminar Islam & Tentangannya Menghadapi Abad ke-21, hlm. 104–107.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2005. Buku Panduan Dasar Pelaksanaan Dan Pengurusan Kurikulum Dan Ko-Kurikulum Program J-QAF. Putrajaya: Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral.
- M. Ngalim Purwanto. 1984. *Psikologi Pendidikan*. Bandung: Remadja Karya.
- Misnan Jemali, Ibrahim Hashim, Zanariah Noor, Muhammad Akramin Kamarulzaman, Abdul Nasir Abdul Latif, Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi, Mohd. Abdul Aziz Mahmud, & Hasanudin Abd. Hamid. 2013. *Perlaksanaan dan pencapaian program j-Qaf: kajian seluruh Malaysia*. Dlm. Seminar Kebangsaan Penyelidikan j-QAF 2013, hlm. 51–91.
- Mohd. Yusuf Ahmad. 2005. *Sejarah Dan Kaedah Pendidikan Al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Aderi Che Noh. 2008. *Hubungan antara amalan pengajaran guru dan pencapaian tilawah al-Quran pelajar tingkatan dua di Malaysia*. Tesis Dr. Fal, Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Hairudin Amin, & Kamarul Azmi Jasmi. 2012. *Sekolah Agama Islam Di Malaysia Sejarah Isu Dan Cabaran*. Johor: Penerbit UTM Press.
- Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. 1999. *Fiqh Al-Sirah Al-Nabawiyyah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Muhammad Salih Samak. 1998. *Fan Al-Tadris Li Al-Tarbiyat Al-Diniyyat Wa Irtibatiha al-Nafsiyyat Wa Anmatiha Al-Sulukiyyat*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Nasithah Abd Hamid, Zalina Ahmad Zainuddin, Latip Muhammad, Maimunah Muda, Ahmad Zaafar Ismail, Salmah Mohd Salleh, & Nur Liyana Husna @ Aloha Shaari. 2013. *Kajian penilaian impak program j-Qaf*. Dlm. Seminar Kebangsaan Penyelidikan j-QAF 2013, hlm. 83–105.
- Nofrizal. 2006. *Hubungan minat dengan kebolehan membaca al-Quran di kalangan pelajar Madrasyah Diniyah Awaliyah luar bandar di Sumatera Barat, Indonesia*. Projek Penyelidikan Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norlela Harun. 2007. *Tahap kesediaan guru j-Qaf dalam melaksanakan model khatam al-Quran, tinjauan di sekolah kebangsaan Daerah Hulu Langat*. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan,

- Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurfadilah Mohamad, & Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. 2013. *Penguasaan kemahiran tilawah al-Quran menerusi program j-Qaf: kajian kes di Melaka*. Dlm. Seminar Kebangsaan Penyelidikan j-QAF 2013, hlm. 307–320.
- Paharudin Arbain, & Misnan Jemali. 2013. *Pencapaian tilawah al-Quran program j-Qaf di Perak : suatu tinjauan awal*. Dlm. Seminar Kebangsaan Penyelidikan j-QAF 2013, hlm. 321–327.
- Rizuan Mohd. 2016. *Amalan penyeliaan pengajaran oleh pentadbir dan komitmen guru dalam program j-Qaf*. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Robiah Sidin. 1998. *Pemikiran Dalam Pendidikan*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Sabariah Bahrun. 2009. *Kajian pelaksanaan kurikulum j-Qaf oleh guru pelatih Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Kent, Tuaran, Sabah*. Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Sabarina Yusoff. 2015. *Hubungan gaya dan didikan beragama ibu bapa terhadap amalan beragama dalam kalangan pelajar tingkatan 4: kajian di kawasan Pantai Timur Sabah*. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sakri Yusoff. 2012. *Sikap dan minat pelajar kelas kemahiran membaca dan menghafaz al-Quran di negeri Perak*. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Subri Salamon, & Haron Din. 1988. *Masalah Pendidikan Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah.
- Suryati Basra. 2013. *Respon murid terhadap model enam bulan khatam al-quran dan tasmik di bawah program j-qaf sekolah rendah di daerah Hulu Langat*. Disertasi Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Syahrul Riza Hamzah. 2010. *Konsep Pendidikan Islam Menurut Pemikiran Ibn Khaldun*. Noor Shakirah Mat Akhir (pnyt.). Kuala Lumpur: Scholarmind Publishing.
- Ibn Taimiyyah, Taqiyuddin Ahmad bin ‘Abd al-Halim. 1972. *Muqaddimah Fi Usul Al-Tafsir Li Ibn Taimiyyah*. ‘Adnan Zarzur (pnyt.). Kuwait: Dar al-Quran al-Karim.
- Witherington, H.C. 1978. *Psikologi Pendidikan*. Ter. M. Buchori. Jakarta: Aksara Baru.